

15 JUN 1999

MEF-dana

JANGAN LAYAN TUNTUTAN PENUBUHAN DANA PEMBERHENTIAN KERJA

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) hari ini menggesa kerajaan supaya tidak melayani penubuhan dana pemberhentian kerja yang dicadangkan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) memandangkan kegawatan ekonomi tidak menyebabkan ramai pekerja diberhentikan.

Pengarah eksekutif MEF Datuk M Zain Majid hari ini berkata sejumlah besar pekerja yang diberhentikan juga telah mendapat pekerjaan baru dan Akta Pekerja sedia ada juga mewajibkan majikan membayar pampasan dan faedah pemberhentian kerja.

"Ini adalah pendekatan yang lebih baik dan bukannya menerusi dana pemberhentian itu kerana majikan yang tidak membuang pekerja juga terpaksa membayar kepada dana itu sama seperti majikan yang bertindak demikian," katanya dalam satu kenyataan di sini.

M Zain juga berkata MEF menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menolak jaringan keselamatan sosial dalam bentuk pembayaran dole atau eluan pengangguran.

Beliau bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir bahawa pembayaran dole akan menyebabkan lebih ramai orang malas bekerja.

Menurutnya negara-neagra yang melaksanakan pembayaran elaun pengangguran akhir mendapati bahawa skim itu memakan belanja yang besar.

Malahan, adalah sukar untuk menentukan sama ada pemohon dole benar-benar tidak bekerja atau memperolehi dua "pendapatan" sekaligus iaitu melalui bayaran dole dan bayaran gaji pekerjaan mereka, katanya.

Jika ini berlaku, para pembayar cukai yang akan menanggung beban bagi membiayai skim itu, katanya.

--BERNAMA

ARA NAK